

Belia jiwa bangsa



BICARA KAMPUS

Oleh **ZAITON MOHAMAD**
zaitonmohamad@yahoo.com

4B - 14-12-2011 84

DUNIA tidak pernah sepi dengan pelbagai ragam manusia, air mata, pertempuran berdarah, merompak, ragut, curi dan sebagainya seolah-olah sentiasa berlaku. Malah saban hari kes ragut dan rompak semakin berleluasa yang menyebabkan masyarakat hidup dalam keadaan risau dan tertekan. Kebanyakan kes jenayah adalah melibatkan golongan remaja dan belia. Persepsi negatif ini seolah-olah sinonim dengan golongan belia walaupun bukan keseluruhan golongan tersebut terlibat namun dengan segelintir pelakunya adalah di kalangan seusia mereka.

Masyarakat secara terus melabelkan mereka sebagai golongan yang bermasalah. Oleh yang demikian mengikut pengertian psikologi, golongan remaja adalah terdiri daripada golongan yang berusia 12 hingga 22 tahun dan pada masa yang sama mereka boleh dikategorikan sebagai golongan belia. Pada usia semuda 12 tahun sudah tentu mengalami pelbagai perubahan dari sudut pemikiran dan juga fizikal. Pelbagai pergolakan berlaku dalam diri kerana ketidakseimbangan hormon. Ibu bapa juga mengharapkan anak-anak yang sedang meningkat remaja menjadi seorang yang sempurna. Adalah kurang bersesuaian untuk mengharapkan golongan yang baru mempelajari sesuatu yang baru menjadi seorang insan yang sempurna. Justeru itu pada peringkat remaja ini terdedah dengan pelbagai cabaran dan mudah tersinggung dengan perkara-perkara yang remeh sehinggakan mahu mencuba sesuatu perkara yang baru. Oleh yang demikian banyak kes ragut, curi, merempit dan sebagainya dilakukan oleh golongan belia muda tersebut.

Walau bagaimanapun masyarakat tidak boleh melabelkan golongan tersebut secara keseluruhannya bermasalah kerana masih ramai dalam golongan ini telah menabur jasa dan mengharumkan nama negara seperti dalam bidang sukan iaitu Datuk Nicol David, Datuk Lee Chong Wei, pasukan Harimau Malaya dan sebagainya. Begitu juga dalam bidang kesenian dan kebudayaan seperti Datuk Siti Nurhaliza, Yuna, Allahyarham Sudirman Hj Arshad dan sebagainya. Begitu juga dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya.

Masyarakat tidak perlu memberikan persepsi yang negatif secara total. Lantaran itu dalam mengubah persepsi masyarakat, pihak kerajaan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan telah menjalankan beberapa kempen menerusi media

cetak dan elektronik untuk menarik minat golongan belia untuk bersama-sama membantu pihak kerajaan dalam menyalurkan menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan serta bersama-sama menggembeling tenaga dalam meningkatkan ekonomi negara. Keadaan tersebut berlaku kerana pihak kerajaan prihatin dengan keupayaan para belia negara dalam mencorak aturkan kepimpinan negara pada masa depan. Tambahan pula pelbagai spekulasi telah ditimbulkan oleh pihak pembangkang mengenai ketidaktelusan pihak kerajaan dalam membuat pembangunan negara sama ada pembangunan fizikal mahupun sumber insan telah menarik minat golongan belia untuk mempercayainya.

Justeru itu dalam memutihkannya semula kepercayaan yang berasaskan spekulasi yang negatif pihak kepimpinan negara telah memberikan ruang kepada golongan belia untuk memberikan cadangan melalui pelbagai program yang diatur sama ada peringkat pengajian tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan malah juga melalui aktiviti-aktiviti peringkat kampung.

Dengan cara tersebut dapat membantu pihak kerajaan mengenalpasti apa yang diinginkan oleh golongan tersebut. Justeru itu corak kepimpinan negara juga akan lebih seimbang dalam memberikan peluang kepada semua golongan masyarakat mengemukakan cadangan dalam penambahbaikan sistem pentadbiran negara. Ini disebabkan kerajaan tidak akan terbentuk tanpa masyarakat dan masyarakat berkuasa dalam mengatur dan memilih kerajaan untuk memerintah. Justeru itu dalam pembentangan Bajet 2012 telah menampakkan keprihatinan pihak kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat yang mana bantuan RM500 akan diberikan kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Bagi kakitangan awam juga turut diberikan keistimewaan dalam pengajian.

Oleh yang demikian menjelang tahun 2012 semua rakyat akan dapat merasai keprihatinan pihak kerajaan dan diharap dapat membantu mengurangkan bebanan rakyat dan sekaligus dapat menurunkan kadar ketidakupayaan isi rumah dalam perbelanjaan seharian. Lantaran itu diharap masyarakat lebih bijak dalam mentadbir urus kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan hargailah kestabilan politik negara kita.

*** Penulis adalah Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS**